

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

ATP 202 - Pengurusan Pemasaran

Tarikh : 27 Oktober 1988

Masa : 9.00pagi-12.00tengah hari
(3 jam)

Jawab soalan (1) dan (2). Pilih dan jawab DUA soalan yang lain.

1. (a) Manusia dengan segala keinginan kemanusiaannya tidak pernah mengenal erti kepuasan. Bincangkan pernyataan ini dari sudut pemasaran.

(b) Anda telah dilantik sebagai pengurus bahagian pemasaran. Di dalam usaha anda untuk memperkenalkan pendekatan pemasaran di dalam perancangan organisasi, anda menghadapi beberapa masalah yang berpunca daripada kekeliruan di antara fungsi pemasaran dan fungsi penjualan. Kekeliruan ini ternyata sekali di kalangan para eksekutif di bahagian jualan.

(i) Apakah perbezaannya, di antara konsep pemasaran dengan konsep penjualan?

(ii) Apakah tindakan anda untuk menyelesaikan masalah ini?

(25 markah)

2. (a) Syarikat SIAKAP mengeluarkan dan memasarkan sejenis ketuhar ajaib yang diberi nama jenama SENOHONG.

Harga seunit = \$250
Kos berubah seunit = \$150
Kos tetap = \$35,000

- (i) Tentukan titik pulang modal di dalam unit dan ringgit.
- (ii) Lakarkan graf titik pulang modal.
- (iii) Andaikan jumlah jualan sekarang ialah 400 unit ketuhar. Untuk menambahkan jualan, pihak pengurusan bercadang untuk menurunkan harga sebanyak \$20 bagi setiap unit ketuhar dan perbelanjaan iklan (komponen kos tetap) ditambah sebanyak \$15,000.00 lagi. Ekoran dari tindakan ini, pihak pengurusan yakin jumlah jualan akan meningkat sebanyak 50 peratus. Apakah pandangan anda tentang perubahan ini?
- (iv) Bilakah strategi harga tarah (skimming strategy) dan strategi harga penembusan pasaran (penetration strategy) sesuai digunakan?

(25 markah)

3. Konsep "Kitaran Hayat Produk" boleh digunakan sebagai kaedah merancang strategi pemasaran. Huraikan.

(25 markah)

4. Apakah faktor yang akan menentukan panjang pendeknya saluran pemasaran sesuatu produk? Apakah faktor yang perlu dipertimbangkan di dalam merancang strategi pengedaran?

(25 markah)

5. "Persaingan Bukan Harga" membawa maksud bahawa harga bukanlah merupakan senjata utama yang digunakan oleh organisasi untuk memungkinkan pencapaian objektif-objektif pemasarannya. Bincangkan strategi-strategi yang boleh dikategorikan di dalam "Persaingan Bukan Harga".

(25 markah)

(ATP 202)

6. Kadar pertumbuhan penduduk adalah salah satu angkubah yang boleh digunakan untuk meramal perubahan segmen pasaran yang dipetakkan berdasarkan angkubah demografi. Berpandukan maklumat di bawah ini, bincangkan kemungkinan siratannya ke atas pengurusan pemasaran.

MALAYSIA: SAIZ DAN STRUKTUR UMUR PENDUDUK 1980 - 1990

Kumpulan Umur	1980		1985		1990		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)	
	'000	%	'000	%	'000	%	1981-85	1986-90
Sarawak								
Malaysia	11,473.0	100.0	12,968.8	100.0	14,605.2	100.0	2.5	2.4
0 - 14	4,484.0	39.1	4,835.1	37.3	5,263.2	36.0	1.5	1.7
15 - 24	2,436.9	21.2	2,726.3	21.0	2,891.0	19.8	2.2	1.2
25 - 39	2,301.2	20.1	2,789.2	21.5	3,333.7	22.8	3.8	3.6
40 - 54	1,300.0	11.4	1,535.3	11.8	1,833.3	12.6	3.2	3.5
55 - 64	515.7	4.5	605.6	4.7	74.3	4.9	3.2	3.5
65 +	452.2	3.7	477.3	3.7	562.7	3.9	2.3	3.3
Sabah								
Sabah	1,055.1	100.00	1,279.5	100.0	1,517.4	100.0	3.9	3.4
0 - 14	471.0	44.6	575.1	44.9	667.2	44.0	4.0	3.0
15 - 24	228.5	21.7	244.8	19.1	287.6	19.0	1.4	3.2
25 - 39	201.0	19.1	268.5	21.0	324.0	21.4	5.8	3.8
40 - 54	101.7	9.6	123.5	9.7	152.0	10.0	3.9	4.2
55 - 64	34.1	3.2	41.9	3.3	52.7	3.5	4.1	4.6
65 +	18.8	1.8	25.7	2.0	33.7	2.1	6.3	5.4
Selangor								
Selangor	1,351.1	100.0	1,542.8	100.0	1,754.6	100.0	2.7	2.6
0 - 14	587.5	43.5	636.3	41.2	683.5	39.0	1.6	1.4
15 - 24	266.2	19.7	319.5	20.7	372.5	21.2	3.7	3.1
25 - 39	246.9	18.3	299.2	19.4	360.8	20.6	3.8	3.7
40 - 54	142.2	10.5	164.0	10.6	195.1	11.1	2.9	3.5
55 - 64	61.2	4.5	69.0	4.5	77.6	4.4	2.4	2.3
65 +	47.1	3.5	54.8	3.6	65.1	3.7	3.0	3.4
Malaysia								
Malaysia	13,879.2	100.0	15,791.1	100.0	17,877.2	100.0	2.6	2.4
0 - 14	5,542.5	39.9	6,046.5	38.3	6,613.9	37.0	1.7	1.7
15 - 24	2,931.6	21.2	3,290.6	21.9	3,551.2	19.8	2.3	1.2
25 - 39	2,749.1	19.8	3,356.9	21.3	4,018.6	22.5	4.0	3.6
40 - 54	1,553.9	11.2	1,822.8	11.5	2,180.4	12.2	3.2	3.5
55 - 64	611.0	4.4	716.5	4.5	851.6	4.8	3.2	3.5
65 +	491.1	3.5	557.8	3.5	661.5	3.7	2.5	3.4

Sumber : KERAJAAN MALAYSIA, RANCANGAN MALAYSIA KELIMA, 1986-1990, Jabatan Cetak Kerajaan, 1986, m.s. 151.

(25 markah)